

29/08/1997

Cuaca mungkin halang MiG terbang lintas

KUALA LUMPUR, Khamis - Perarakan Hari Kebangsaan Ahad ini mungkin tidak dapat disertai pesawat dan helikopter jika keadaan jerebu terus melanda ibu kota.

Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Kebangsaan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata dalam raptai pagi ini, pesawat MiG-29N yang mengambil bahagian tidak dapat dilihat.

"Jika ini berterusan, penyertaan pesawat terbang dan helikopter akan dibatalkan. Saya sudah memaklumkan perkara ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya selepas menghadiri mesyuarat Pengurusan dan Disiplin Umno, di sini, hari ini.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata penyertaan pesawat terbang dan helikopter bukan perkara baru, malah dilakukan setiap tahun.

Bagaimanapun, jika penyertaan kali ini boleh menimbulkan masalah, Jawatankuasa Sambutan Hari Kebangsaan berpendapat, ia seharusnya ditiadakan.

"Kita mementingkan keselamatan. Jika penyertaan pesawat terbang dan helikopter boleh mengancam keselamatan, kita membuat keputusan membatalkannya.

"Saya yakin tanpa MiG dan helikopter, sambutan Hari Kebangsaan tahun ini tetap meriah," katanya.

Menjawab soalan, Sabbaruddin berkata, setakat ini keadaan jerebu belum menjejaskan industri pelancongan negara.

(END)